

16/05/1999

PM ajak belia pertahan negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak belia supaya mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman pihak yang cuba untuk menjajah semula negara ini.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini segelintir rakyat sudah mulai dijajah pemikiran mereka dengan budaya Barat seperti mengeluarkan kata kesat, memaki hamun dan mencarut, yang tidak sesuai dengan nilai budaya Timur.

"Kalau kita tidak hati-hati, tidak insafi dan tidak belajar daripada sejarah kita, percayalah kita akan dijajah semula.

"Hari ini mereka sedang cuba menjajah semula, apabila mereka menentukan bentuk ekonomi negara kita, apabila mereka menentukan pemimpin kita, apabila mereka tentukan kerajaan kita, pada masa itu kita sudah tidak bebas dan tidak merdeka lagi," katanya merasmikan Hari Belia Negara di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, di sini semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Saifuddin Abdullah.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah Belia Negara 1999 bagi kategori persatuan, kepemimpinan, kesukarelaan dan kemasyarakatan, inovasi dan mutu, keusahawanan, daya juang yakin boleh, kewartawanan, seni dan budaya, khas lelaki, khas wanita, agensi kerajaan, swasta, kemahiran dan anugerah khas pencapaian cemerlang.

Perdana Menteri yang juga mengajak belia bersyukur berkata, jika penjajahan pemikiran berlaku, ia akan merebak kepada penjajahan ekonomi, politik dan akhirnya negara ini akan dijajah semula.

Sehubungan itu, katanya belia perlu mengekalkan budaya Timur yang lebih mulia daripada budaya Barat, yang lebih mengutamakan kekayaan dan keseronokan tanpa mengambil kira soal kemiskinan.

Dr Mahathir berkata, jangan percaya kemerdekaan semata-mata tanpa perancangan akan membawa kejayaan dan membawa pembangunan pesat kepada negara.

"Sudah banyak negara yang mencapai kemerdekaan tetapi kedudukan mereka masih tidak jauh daripada masa dijajah dahulu," katanya sambil menambah Malaysia sudah mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir yang memulakan ucapannya dengan menceritakan pengalaman hidupnya melalui empat zaman penjajahan mahu generasi muda sekarang diingatkan mengenai penderitaan dan rasa terhina hidup dalam negara yang dijajah.

Beliau juga berharap generasi muda tidak membenarkan diri mereka diperalat dan dihasut oleh orang lain kerana Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang memberi hak kepada rakyatnya untuk menaik dan menurunkan pemimpin mereka sendiri.

"Sekarang sudah ada orang asing bukan warga negara, pemimpin negara asing yang cuba nak menentukan siapa yang patut kita naikkan sebagai pemimpin dan siapa yang patut kita jatuhkan.

"Apakah hak mereka untuk menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan di Malaysia, mereka tergamak untuk menyuruh rakyat Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat Malaysia sendiri.

"Ini bukan hak kuasa asing, bukan hak pemimpin asing walaupun negara mereka adalah kuasa dunia, di Malaysia ini adalah hak rakyat Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembinaan projek pembangunan, termasuk Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan menara kembar bukanlah projek mega yang membawa pembaziran, sebaliknya menandakan pandangan jauh kerajaan.

Menurutnya, setiap projek itu adalah berasaskan keperluan masa depan berikutan negara mengalami pertumbuhan penduduk yang begitu ketara iaitu sekitar 2.3 peratus atau 500,000 orang setahun.

(END)